

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Mahathir tegur golongan kelirukan rakyat

# 'Bahasa tak sama dengan agama'

**KELANA JAYA, Jumaat —** **PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** telah menyelar golongan yang mengguna-  
suka menggunakan bahasa Arab bagi mempengaruhi dan mengeluarkan orang ramai untuk mendapat sokongan mereka.

Tambahnya, ketika merasmikan Gerak Kerja '83, Pergerakan Wanita Umno, di Kompleks Tabung Haji, ramal orang Islam di sini menyamakan bahasa Arab dengan agama Islam.

Bellau seterusnya mengingatkan para peserta Gerak Kerja bahawa ada juga orang-orang Arab yang beragama Kristian menjalankan upacara sembahyang dengan menggunakan bahasa Arab.

"Agama sesorang itu

bukanlah ditentukan oleh bahasa Arab atau bahasa Malaysia", katanya.  
Perdana Menteri seterusnya menyatakan ada pula golongan yang menggelari diri sendiri 'ustaz' atau 'ulama' sedangkan ia boleh dipanggil guru atau 'pakar' dalam bahasa Malaysia.

### Gelaran

Dalam memberi gelaran, katanya, sepatutnya ia mentah diang dari orang lain, bukan dari diri sendiri.

Orang yang menggelari diri masing-masing ulama, katanya, bukanlah ulama yang sebenarnya tetapi mempunyai tujuan lain.

Bellau juga mengingatkan, para peserta harus faham mengenai agama supaya tidak mudah terpengaruh dengan tafiran-tafiran yang salah.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan, beliau tidak mahu melihat tafiran agama yang tidak seocok dan tidak sihat berlaku.

Sekarang ini, katanya, ramai penafis-penafis agama. Jika seseorang itu kurang faham

tentu akan terpengaruh. Datuk Seri Dr Mahathir terbahulu dari itu mengingatkan para pemimpin supaya mengahului asal-usul dan tujuan ditubuhkan Umno.

Katanya, para pemimpin harus mengetahui dengan mendalam supaya tidak mudah menyeleweng atau menyimpang seperti yang terjadi dalam parti lain yang telah bertukar corak menjadi banyak.

Hal ini berlaku, katanya, kerana ada usaha mementingkan diri sendiri dan lupa perjuangan seperti menuntut kemerdekaan.

"Kerana itulah, para pemimpin harus menambah pengetahuan tentang perjuangan negara dan objektif yang ditentukan", tambahnya.

Umno, tegasnya, ditubuhkan bukan untuk menentang Malayan Union saja, malah untuk terus memperjuangkan hak-hak orang Melayu dan keturunan lain di negara ini.

Bellau seterusnya mengingatkan para peserta Gerak Kerja tentang pentingnya sikap — sikap untuk mengubah nilai-nilai hi-

dup, sesuai dengan kehendak masa.

Tidak guna, katanya, para pemimpin mengahului dan menyanjung nilai yang dikhatakan baik tetapi tidak mengamalkannya malah asyik dengan nilai-nilai lain.

"Para pemimpin sendiri harus faham tujuan kerajaan membuat dan membentuk cogan kata dan dasar-dasar baru.

"Kalau setakat melang-laukan saja tanpa mengamalkannya, cita-cita tidak akan tercapai", katanya.

### Teladan

Dari itu, tambah bellau, wanita haruslah menunjukkan teladan baik, tidak guna cakap saja tanpa mengamalkannya kerana ia tidak akan menentukan kejayaan.

"Kalau pemimpin-pemimpin Umno sendiri tidak faham dan tidak mengamalkannya, bagaimana mungkin ia dapat menjadi teladan yang baik?" katanya.

Bercakap saja, Perdana Menteri, tidak memadai jika tidak disertakan usaha dan per-



● DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad sedang mencuba 'topi dakwah'.

buatan.

"Walaupun tidak lagi terdapat dalam Encyclopedia Britannica yang menyatakan orang Melayu malar, ini tidak bermakna anggapan mereka telah berubah kecuali kita tunjukkan dengan usaha," kata bellau.